

Tidak bersekongkol dengan Pas

Oleh **AMRAN AHMAD**

KUALA LUMPUR 27 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan beliau tidak bersekongkol dengan mana-mana pemimpin Pas atau parti pembangkang lain dalam mengkritik kerajaan.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau sebaliknya mengkritik secara berseorangan dan akan meneruskannya selagi perlu dan ada permintaan daripada orang ramai untuk berbuat demikian.

"Secara kebetulan, pemimpin dari parti pembangkang hadir semasa majlis dialog dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada hari Sabtu lalu dan saya tidak boleh menolak kedatangan mereka untuk mendengar ceramah.

"Tambahan pula, majlis tersebut bukan dianjurkan oleh saya tetapi pihak lain," katanya selepas menghadiri sesi perbincangan sempena forum *Pengurusan Cabaran Global* anjuran Institut Pengurusan Malaysia di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz semalam bahawa beliau sanggup duduk semeja dengan pembangkang bagi mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambil menyifatkan Nazri sebagai *hatchet man* (tukang pukul), Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengambil peduli mengenai pandangan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, tiada individu dalam UMNO yang berhak untuk melucutkan keahlian beliau kerana parti itu dimiliki oleh orang Melayu dan sebarang keputusan mengenainya terletak di tangan ahli-ahlinya.

"Lagipun siapa Datuk Nazri untuk melucutkan keahlian saya kerana saya sudah menyertai UMNO sebelum dia dilahirkan," katanya lagi.

Dakwaan bahawa beliau bersekongkol dengan" pembangkang untuk mengkritik kerajaan, jelas Dr. Mahathir, ialah cubaan untuk meniup api kebencian ahli UMNO terhadap dirinya.

Ditanya mengenai komen bahawa kritikan beliau telah memecah-belahkan perpaduan dalam UMNO, katanya, ia dibuat atas permintaan ramai orang yang tidak sanggup memperjudikan nasib untuk mengkritik kerajaan secara terbuka.

Dr. Mahathir berkata, beliau sedar bahawa ada usaha sedang dijalankan bertujuan memburuk-burukkan dirinya agar timbul perasaan benci terhadap beliau di kalangan oleh ahli-ahli UMNO yang dijalankan menerusi akhbar dan televisyen.

Dengan wujudnya perasaan benci tersebut, ia akan menjadi alasan yang kukuh untuk melucutkan keahlian beliau dalam UMNO, jelasnya.

Mengenai penjualan MV Agusta Motor SpA, Dr. Mahathir berkata, jualan tersebut berlaku kerana Proton Holding Berhad (Pro-

ton) tidak tahu menggunakan teknologi miliknya dan bukan teknologi tersebut tidak boleh meningkatkan tahap teknologi syarikat pengeluaran kenderaan hasional itu.

Mengulas mengenai isu pembatalan pembinaan jambatan bengkok pula, beliau menambah, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pernah memberitahu beliau bahawa Malaysia mempunyai semua hak untuk melaksanakan pembinaan jambatan

bagi menggantikan Tambak Johor itu.

"Tiga hari sebelum pembatalan jambatan itu diumumkan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu saya bahawa Malaysia boleh membina jambatan itu di bahagian kita dan akan memulakan kerja-kerja pembinaan serta-merta.

"Namun Pak Lah pula mengumumkan pembatalan pembinaan jambatan selepas itu atas

Kebetulan, pemimpin dari parti pembangkang hadir semasa majlis dialog... saya tidak boleh menolak kedatangan mereka dengar ceramah

DR. MAHATHIR MOHAMAD

alasan rakyat negara ini menolak projek infrastruktur tersebut sedangkan tinjauan saya sendiri mendapati tiada seorang rakyat negara ini yang membantah pembinaannya," kata beliau. Ditanya mengenai keadaan ekonomi sema-

sa sebelum Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020, Dr. Mahathir berkata, sasaran kadar pertumbuhan itu mungkin tidak dapat dicapai ekoran kelembapan suasana ekonomi sekarang.